



Kelestarian Ilmu, Memacu Kecemerlangan

Follow us on:

- <http://www.library.unimas.my/>
- <https://www.facebook.com/libraryUNIMAS>
- PeTARY UNIMAS



Sidang Redaksi

PENAUNG

YBhg. Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Bin Suaidi

PENASIHAT

Macfarlaine ak Gilbert Jim Dibuad

KETUA EDITOR

Hj Valentino Abu Bakar

EDITOR

Adila Shedad
Fairuz Faridah Jaafar
Habibah Matadi
Japar Kalok
Magdelina Mangi
Masjiah Majidi
Mohd Shafri Meran
Sheril Aida Sulainan
Siti Syaabarina Abdul Hamid
Sri Muniarty John
Wan Jamaludin Wan Sait

SIDANG PENGARANG

Adila Shedad
Aziz Tuah
Huzaimah Abdul Rani
Magdelina Mangi
Sheril Aida Sulainan
Sri Muniarty John
Wan Jamaludin Wan Sait
Zaiden Sanyut

JURUFOTO

DAN REKALETAK

Abdul Rahman Mohd Hussain
Desmond Chang Bui Chieh
Mohd Amri Bujang
Mohd Nazri Masri

MAKLUMAT LANJUT

Perpustakaan Tun Abdul Rahman Yaakub (PeTARY)
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak
No. Tel. : 082-583927
Emel: library@unimas.my

Seulas Kata Ketua Pustakawan

Salam Sejahtera,

Tahniah di atas penerbitan Buletin myLibARY Bil 25 Jan – Jun 2022.



Semoga tahun 2022 ini menjadi tahun diberkati & dirahmati bagi PeTARY. Pelbagai aktiviti juga telah dirancang dan diharap pelaksanaannya berjalan dengan lancar.

“Sik berasa” sudah 1 tahun 6 bulan saya menerajui PeTARY bermula dari 22 Februari 2021 sehingga sekarang. Apa yang saya lalui sepanjang tempoh ini mogea dihargai pada masa akan datang. Syukur Puji Tuhan kerana diberi kesempatan ini.

Akhir kata saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberi kerjasama padu dan erat, terutamanya semasa PeTARY melalui masa - masa yang sukar.

- Remember, Remind & Recall -

Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sirih Ketua Pustakawan / Redaksi Sidang	2
Dari Pena Ketua Editor / Isi Kandungan	3
PeTARY Komited Memacu Kecemerlangan Diri	4
Bengkel Perkhidmatan Kaunter Cemerlang dan Komunikasi Pelanggan Pasca Pandemik	5
Bengkel Penggunaan Sistem Katalog Induk Kebangsaan	6
Sesi Perkongsian Ilmu: YANG mana satu pilihan hati - Endowmen atau Wakaf?	7
Kongsi Pengalaman: Kelab Rakan Pustaka	8
Read@UNIMAS 2022	9
Kunjungan Rasmi Jabatan Muzium Sarawak	10
Pameran Penerbitan Ilmiah UNIMAS	11
Modul Inventory Sistem KOHA	12
Sukarelawan & Nilai Peribadi	13
Karya Kreatif (Bicara)	14
Karya Kreatif (Anugerah Langit)	15
Jom Belajar Bahasa Iban	16
Analisa Pendidikan Pengguna	17
Ruangan Jom Reset Jiwa	18
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	18
Senarai Lawatan	19
Senarai Kursus & Program PeTARY	19
Latihan Kebakaran Meningkatkan Kemahiran Menguruskan Pengungsian Bangunan	20
Penempatan Baru Staf PeTARY 2022	21
Bubur Lambuk Ramadan PeTARY 2022	22
Raya Gawai PeTARY 2022	23



Dari Pena Ketua Editor

Bismillahirrahmannirrahim,

Syukur ke hadrat Allah Buletin myLibrARY bil.25/2022 merupakan edisi kedua yang telah berjaya diterbitkan secara digital sesuai dengan keperluan terkini yang menuntut kepada keperluan perkhidmatan dan kemudahan bercirikan maya.

Seiring dengan pasca pandemik, pelbagai program berorientasikan perkhidmatan dan kemudahan PeTARY secara hibrid diteruskan agar sistem penyampaian perkhidmatan terbaik diberikan kepada pengguna. Bagi meningkatkan motivasi dalam kalangan staf, Bengkel Perkhidmatan Cemerlang dan Komunikasi Pelanggan pasca pandemik telah dilaksanakan. Selain itu progam keilmuan seperti Perkongsian Ilmu, Bicara Buku Bersama Penulis UNIMAS, Jom Baca 10 minit, Semarak Membaca UNIMAS, Pertandingan Juh Nulis Esei terus giat dilaksanakan dalam memperkasakan peranan perpustakaan ke arah perkhidmatan secara bersemuka sepenuhnya apabila siswa kembali memenuhi kampus pada Oktober nanti.

PeTARY akan terus bergerak sebagaimana Pelan Strategik UNIMAS 2021-2025 dan objektif SDG yang diharapkan memberikan impak kepada komuniti UNIMAS mahupun masyarakat sekeliling. Perancangan Khidmat Komuniti perlu diteruskan dengan kolaborasi daripada pelbagai agensi di dalam dan luar universiti. Paparan kali ini banyak menampilkan pelbagai program yang telah berjaya dianjurkan PeTARY seiring dengan pasca pandemik. Moga setiap program yang telah dilaksanakan dapat memberi impak kepada staf dan juga kepada pengguna PeTARY dalam memperkasakan perkhidmatan dan kemudahan agar sentiasa relevan dan terbaik.

Harapan saya selaku Ketua Editor, agar barisan sidang pengarang dapat terus menyampaikan edisi yang lebih terkini dan berinformasi pada penerbitan yang akan datang.

Sekian.



PeTARY Komited Memacu Kecemerlangan Diri

Oleh: Sheril Aida Sulainan

Warga PeTARY telah mengikuti Siri Pemantapan Visi dan Misi Unimas: Program Pengurusan Bakat yang bertajuk Bagaimana Memacu Kecemerlangan Diri di auditorium PeTARY pada 27 Januari 2022. Antara objektif program ialah:

- Memantapkan nilai teras dan budaya kerja ExCITE
- Meningkatkan motivasi dan keyakinan diri untuk terus cemerlang

Pengisian tersebut telah disampaikan oleh Cik Hajah Azeemah Bte Ahmad, Pengarah Pusat Khidmat Pelajar. Perkongsian dari beliau sangat menarik dan bermanfaat. Beliau telah memberikan penerangan berdasarkan realiti semasa. Malah program ini telah berlangsung secara interaksi dua hala antara penceramah dengan peserta.



Inti pati yang boleh diambil dari input yang beliau sampaikan ialah:

1. Manfaatkan masa yang ada dengan memajukan diri berbanding asyik mengata orang
2. Jalani gaya hidup yang sihat
3. Jika tidak mampu membahagiakan orang lain, usahlah kita menambahkan deritanya.

Semoga PeTARY akan terus melestarikan sifat memajukan diri dan terus relevan dari semasa ke semasa.

BENGKEL PERKHIDMATAN KAUNTER CEMERLANG DAN KOMUNIKASI PELANGGAN PASCA PANDEMIK

Oleh: Adila Shedan

Unit Latihan dan Kualiti Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY) telah menganjurkan Bengkel Perkhidmatan Kaunter Cemerlang dan Komunikasi Pasca Pandemik yang berlangsung selama 2 hari pada tarikh 30 dan 31 Mac 2022.

Bengkel ini adalah sebagai persediaan kepada staf PeTARY untuk menyesuaikan diri dalam menangani isu dan cabaran dalam tempoh pemuliharaan sektor pendidikan pasca pandemik. Bengkel tersebut disampaikan oleh Puan Dayang Nor Hajijah Binti Awang Daud, Penolong Pendaftar Universiti Malaysia Sarawak dan dihadiri oleh 33 orang peserta yang terdiri daripada staf PeTARY. Objektif bengkel ini adalah untuk memantapkan kemahiran staf ketika berhadapan dan berurusan dengan aduan pelanggan dalam pasca pandemik, mempamerkan sikap yang positif dan layanan yang professional kepada pelanggan, dan mempamerkan komunikasi yang berkesan secara verbal dan non-verbal.

Pengisian dalam bengkel ini terdiri daripada beberapa slot antaranya adalah :

- Pengurusan Kaunter Yang Efektif dan Perkhidmatan Berkualiti
- Perhubungan Manusia dan Komunikasi Berkesan.
- Profesionalisme Penjawat Awam.
- Potensi Diri dan Organisasi
- Inovasi Perkhidmatan Kaunter / Perpustakaan Pasca Pendemik.

Bagi memastikan semua peserta aktif dan bersemangat sepanjang bengkel tersebut, penceramah turut menyelitkan slot Latihan Dalam Kumpulan (LDK) agar setiap peserta bekerjasama dalam pasukan untuk menyiapkan dan membentangkan tugas yang telah diberikan. Kerjasama yang diberikan oleh semua peserta dalam slot LDK dapat memberi manfaat dan sebagai kayu pengukur tahap pemahaman peserta tentang perkongsian maklumat yang disampaikan oleh penceramah sepanjang bengkel tersebut berlangsung.



Bengkel ini secara keseluruhannya dapat memantapkan lagi kemahiran staf PeTARY ketika berhadapan dan berurusan dengan aduan pelanggan, ia meliputi aspek kemahiran dalam mempamerkan imej dan ketrampilan diri yang profesional, etika dan tingkah laku yang menyenangkan serta kemahiran komunikasi yang mantap dan berkeyakinan, hal ini seterusnya akan meningkatkan persepsi positif pelanggan terhadap imej dan reputasi organisasi terutama berhadapan dengan cabaran pasca pandemik.



Bengkel Penggunaan Sistem Katalog Induk Kebangsaan

Oleh: Sri Muniarty John & Zaiden Sanyut

Katalog Induk Kebangsaan merupakan perkhidmatan perkongsian sumber dalam kalangan perpustakaan konsortium di Malaysia yang dihos dan diselaraskan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Ia bertujuan menyediakan akses kepada sumber maklumat komprehensif mengenai bahan perpustakaan di Malaysia untuk rujukan pustakawan, penyelidik dan orang awam.

Sejarah: Katalog Induk yang pertama telah wujud pada tahun 1978 sehingga penghujung tahun 1990. Ketika itu ia menggunakan standard MALMARC dan disertai oleh beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan lima (5) perpustakaan universiti iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).




Projek ini terhenti pada tahun 1990-an apabila perpustakaan-perpustakaan yang menyertai projek ini mula memperolehi sistem perpustakaan bersepadu masing-masing. Kos yang mahal dalam menyentuhkan semua rekod katalog perpustakaan merupakan sebab projek ini tidak diteruskan.

Peningkatan jumlah perpustakaan di Malaysia telah mendesak Pustakawan untuk mewujudkan semula katalog induk bagi mengetahui lokasi bahan dengan cepat dan mudah, memudahkan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan, perkongsian sumber, perkongsian rekod katalog dan juga penghantaran dokumen (document delivery). Terkini Sistem KIK mempunyai 2,856,169 rekod bibliografik. Kemajuan dalam ICT juga dirasakan dapat menyediakan pelbagai aplikasi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna perpustakaan.

Satu Jawatankuasa Pemandu Katalog Induk Kebangsaan (KIK) yang dianggotai oleh setiap wakil perpustakaan telah ditubuhkan pada tahun 2004. Ahli-ahlinya telah menghadiri Bengkel Penubuhan Katalog Induk Kebangsaan pada 19-20 Oktober 2014 bagi membincangkan secara terperinci menetapkan definisi, visi, objektif, skop dan konsep KIK. Cadangan penubuhan KIK ini telah diluluskan oleh MAMPU dan Projek KIK Fasa 1 mula dibangunkan pada November 2005.

Sistem KIK ditadbir oleh PNM dan Sistem KIK versi 2.0 adalah eksklusif untuk kegunaan ahli konsortium KIK dan ahli Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) sahaja dan bukan untuk tujuan komersial atau untuk mendapat keuntungan. Pendaftaran keahlian adalah secara percuma dan perlu mendapatkan pengesahan daripada pentadbir sistem KIK di PNM sebelum mengakses Sistem KIK Versi 2.0. Sehingga sekarang, 154 ahli konsortium yang terdiri daripada perpustakaan gunasama, perpustakaan akademik, perpustakaan awam, dan lain-lain termasuk Perpustakaan Negara.

Bengkel Penggunaan Sistem Katalog Induk Kebangsaan Siri I/2022 telah diadakan pada 14 Jun 2022 hingga 16 Jun 2022 di Bilik Syarahan, Aras 5 Bangunan Anjung Bestari Perpustakaan Negara Malaysia. Bengkel dikendalikan oleh kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia yang memfokuskan kepada tiga modul sistem yang terdiri daripada modul admin, katalog & ILL/SPP.



Objektif bengkel:

- Memastikan ahli konsortium memahami fungsi dan modul dalam Sistem KIK Versi 2.0.
- Mendapatkan maklumbalas berkaitan modul yang dibangunkan dalam Sistem KIK Versi 2.0 daripada ahli konsortium Mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh ahli konsortium dalam penggunaan Sistem KIK Versi 2.0
- Meningkatkan penggunaan Sistem KIK Versi 2.0 dalam pengumpulan data.

Bengkel sebegini juga menjadi platform pertemuan para pustakawan seluruh Malaysia untuk saling berkenalan dan bertukar-tukar pendapat dan pengalaman seterusnya menjalankan kerjasama dan hubungan strategik sesama perpustakaan.

- maklumat negatif dan pelajaran masalah kewangan (tidak mampu)
- usaha susulan melalui pembiayaan (berulang dan tidak berulang) perolehi bantuan pembiayaan
- Wakaf yang aimanapun UNIMAS raya (jiggaran untuk 200 pelajar) sejak awal Semester I kepada dalam kumpulan 840 ini.



Sesi Perkongsian Ilmu: YANG mana satu pilihan hati - Endowmen atau Wakaf?

Oleh: Adila Shedan

Mungkin masih ada di kalangan kita masih lagi mempunyai persoalan dan belum dapat membezakan Endowmen dan Wakaf.

Endowmen dan wakaf adalah serupa namun berbeza. Bagi menyemarakkan bulan Ramadan tahun 2022 dengan pengisian program bermanfaat kepada semua warga Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY), Unit Latihan dan Kualiti PeTARY mengambil inisiatif mengadakan perkongsian ilmu berkaitan Endowmen dan Wakaf bagi memberikan kesedaran kepada semua warga PeTARY tentang kepentingan dan kelebihan Endowmen dan Wakaf pada diri individu dan manfaat kepada orang lain di sekeliling. Program perkongsian ilmu tersebut telah diadakan pada 7 April 2022 bertempat di Auditorium PeTARY dan penceramah jemputan adalah Puan Dayang Nor Hajijah Binti Awang Daud merangkap Pengarah Bahagian Endowmen Dan Wakaf Universiti Malaysia Sarawak. Program ini telah mendapat sambutan dengan kehadiran 40 orang individu terdiri daripada warga PeTARY.

Endowmen dan wakaf UNIMAS diwujudkan bagi melestarikan kewangan dengan menggunakan tanah dan aset sedia ada. Endowmen dan wakaf merujuk kepada amalan menyumbang bagi kebajikan berbentuk sedekah yang mana hasil atau pulangan yang dijana daripada harta yang disumbangkan dapat merancakkan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu serta aktiviti-aktiviti berkaitan dengan program kebajikan dan pembangunan kualiti pendidikan. Endowmen dan wakaf bertujuan untuk mengumpul dana serta memberi peluang kepada syarikat korporat, agensi luar, orang perseorangan, alumni serta staf untuk menghulurkan sumbangan bagi manfaat bersama. Selain mengumpul dana, perancangan yang rapi adalah asas dalam membangun dan memajukan harta wakaf serta membuat pelaburan yang dibenarkan oleh syarak. Di samping itu, matlamat teras endowmen dan wakaf ini adalah memperkasakan program untuk kebajikan dan sosial bagi faedah pelajar dan negara.

Wakaf dan endowmen adalah dana kekal yang mempunyai had kawalan tersendiri, di mana nilai pokok (principal) dikekalkan. Dana tersebut dilaburkan dan hasilnya digunakan untuk manfaat seperti yang disyaratkan oleh penyumbang. Di samping ada persamaan, wakaf dan endowmen mempunyai beberapa perbezaan yang nyata. Jadual di sebelah adalah ringkasan perbezaan antara Endowmen dan Wakaf.

Aspek	Endowmen	Wakaf
Tujuan	Pelbagai tujuan yang dibenarkan undang-undang	Memenuhi kehendak Syariah
Asas Penubuhan	Mengikuti terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyumbang	Memenuhi 4 rukun wakaf (Al-Waqif, Al-Mauqif, Sighah, Al-Maquf Alaihi)
Sumber Sumbangan	Sumber aset hendaklah dari hakmilik yang diiktiraf undang-undang walaupun tiada syarat halal	Aset hendaklah dari sumber halal dan pemilikan yang diiktiraf undang-undang
Pemilik Aset	Hakmilikan Pemegang Amanah atau Penyumbang (Tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dipersetujui)	Hakmilikan Allah SWT (Diuruskan oleh Mutawalli)
Keputusan Polisi	Pemegang Amanah (Trustee) atau Penyumbang - Jika ada perselisihan dalam perlaksanaan, keputusan muktamad terletak pada Mahkamah Sivil	Pewakaf (al-Waqif) - Jika ada perselisihan dalam perlaksanaan, keputusan muktamad terletak pada Mahkamah Syariah
Kelayakan/hak Mengurus	Pemegang Amanah (Trustee)	Mutawalli atau Nazir sebagai pentadbir dan pelaksana, sebarang kuasa diberikan oleh Lembaga Wakaf

Sumber: <https://penjanaan.utm.edu.my/ms/wakafendowmen/perbezaanendowmen-wakaf-a-sumbangan.html>

Kongsi Pengalaman: Kelab Rakan Pustaka

Oleh: Sheril Aida Sulainan

oleh Encik Macfarlaine ak Gilbert Jim Dibud, Timbalan Pengarah PeTARY.

Semasa lawatan tersebut, En Macfarlaine telah memberikan kata alu-aluan. Tuan Haji Valentino Abu Bakar juga telah berkongsi mengenai latar belakang dan pencapaian PeTARY, Friend of CAIS dan perancangan PeTARY. Pihak Kelab Rakan Pustaka juga telah membentangkan sejarah kumpulan mereka, aktiviti yang telah dan akan mereka laksanakan serta cara mereka menarik minat pelajar untuk mengikuti aktiviti yang mereka adakan, bahkan bagaimana hendak menjadi ahli pasukan kelab tersebut. Sesi soal jawab turut menjadi platform bagi percambahan ilmu dan celik akal pengalaman dan kekuatan masing-masing dalam memantapkan organisasi masing-masing. Kemudian staf PeTARY mengiringi pelajar-pelajar tersebut ke aras 1, 2, G, dan LG serta mengambil gambar kenang-kenangan bersama.

Pertemuan tersebut sedikit sebanyak dapat membuka mata warga PeTARY bahawa siswa dan siswi mempunyai kuasa untuk mencorakkan negara. Semoga pertukaran idea dan pengalaman ini dapat menambahbaik kekurangan yang ada di institusi masing-masing terutamanya dalam memperkasakan peranan perpustakaan.

Kelab Rakan Pustaka dari Universiti Malaysia Sabah merupakan pelawat pertama yang mengunjungi Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub setelah dua tahun perpustakaan menyepi akibat pandemik Covid-19. Ketibaan 6 orang ahli Kelab Rakan Pustaka tersebut disambut dengan rasa gembira



Read@UNIMAS 2022

Oleh: Sheril Aida Sulainan

Program Read@UNIMAS ini telah bermula seawal tahun 2019 lagi seiring Dekad Membaca Kebangsaan, Antara pengisian program ini ialah "Jom Baca Bersama 10 Minit BERSEMPENA dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada tarikh 23 April setiap tahun. Di peringkat UNIMAS pelbagai program telah dirancang misalnya Bicara Bersama Pengarang UNIMAS, Pameran Karya Sasterawan Negara dan Pertandingan Juh Nulis Esei serta Jom Membaca 10 Minit UNIMAS serentak seluruh negara jam 11 pagi 21 April 2022.

Perpustakaan Negara Malaysia telah menerajui Program Jom Baca 10 Minit ini yang telah diawalkan pada tahun ini iaitu 21 April 2022 di peringkat kebangsaan. Pada hari tersebut, PeTARY telah mengajak seluruh warga UNIMAS untuk menyemarakkan Read@UNIMAS.

Seluruh staf PeTARY dan para pelajar telah pun menyertai Jom Baca Selama 10 minit dengan memberi kerjasama membaca bahan bacaan masing-masing dan telah pun dirakamkan di dalam video.

Pameran Sasterawan Negara juga telah dipamerkan di Galeri Tun Abdul Rahman Ya'kub, PeTARY bagi memperkenalkan karya para Sasterawan Negara kepada para pengunjung. Tujuan pameran adalah untuk menggalakkan minat membaca dan menimba ilmu pengetahuan kepada para pengunjung tanpa mengira usia. Semoga Malaysia benar-benar merealisasikan Bangsa Membaca Bangsa Berjaya!

Pada sebelah petangnya pula, Tn. Haji Valentino selaku moderator telah berjaya mencungkil rahsia ordinan kelahiran & personaliti berdasarkan kajian saintifik oleh Pensyarah UNIMAS, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Puan Aina Razlin Bt Mohammad Roose, melalui bukunya, "Awak Anak Ke Berapa: Rahsia Ordinan Kelahiran & Personaliti Anda". Pn Aina telah mensyarahkan ilmu tentang cara mendidik anak mengikut ordinan kelahiran, sifat-sifat anak-anak melalui ordinan kelahiran dan pemboleh ubah tertentu, serta pengalaman beliau sendiri dalam mengendalikan karenah anak-anak yang unik. Sesi soal jawab juga membantu memberi pencerahan kepada para peserta yang bertanya.

LIVE WEBINAR

BICARA PENULIS

Awak Anak Ke Berapa:
Rahsia Ordinan Kelahiran
& Personaliti Anda

21 APR 2022

PANEL
PN AINA RAZLIN BT
MOHAMMAD ROOSE

Pensyarah
Program Kaunseling
Fakulti Sains Kognitif &
Pembangunan Manusia


RAHSIA ORDINAL KELAHIRAN DAN PERSONALITI ANDA

AWAK ANAK KE BERAPA

UNIMAS

SCAN DI SINI UNTUK SERTAI

READ@UNIMAS



JOM baca bersama untuk

Read@UNIMAS

"Enhance Your Knowledge"

#ReadUni
#Malaysiamembaca
#UNIMASmembaca

SEMARAKAN READ@UNIMAS

JUH BACA DENGAN KAMEK URANG

21 APRIL 2022

PERPUSTAKAAN
TUN ABDUL RAHMAN YA'KUB
PeTARY

DETIK JOM BACA 10 MINIT SERENTAK SELURUH NEGARA

JUH NULIS ESEI (FEB - APRIL)

BICARA BUKU BERSAMA PENGARANG UNIMAS:

AINA RAZLIN MOHAMMAD ROOSE

JUDUL: RAHSIA ORDINAL KELAHIRAN DAN PERSONALITI

PAMERAN KARYA SASTERAWAN NEGARA

UNIMAS
30 years
Crossing Frontiers 1992-2022

Rajak - Borneo EN-Share


KEMERIAHAN KATA-KATA

Buletin myLibrARY | 9

Kunjungan Rasmi Jabatan Muzium Sarawak

Oleh: Huzaimah Abdul Rani & Sheril Aida Sulainan

Pada 22 Februari 2022, Universiti Malaysia Sarawak telah menerima lawatan kerja oleh Jabatan Muzium Sarawak dan PeTARY merupakan salah satu destinasi pilihan untuk tujuan lawatan kerja tersebut. Puan Huzaimah Abdul Rani yang merupakan Penolong Pengarah PeTARY telah mengiringi seramai 9 orang warga Jabatan Muzium Sarawak ke bahagian arkib di PeTARY. Bahagian arkib di PeTARY merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Ilmu. Lawatan kerja tersebut adalah berkaitan dengan pemantapan perkongsian ilmu mengenai sejarah arkib dan kemahiran perlaksanaan dan pengurusan arkib. Semoga UNIMAS dan PeTARY khususnya akan terus menerima kunjungan yang membawa manfaat bersama dalam mengekalkan kelestarian ilmu dan daya saing institusi penyelidikan dan pendidikan di negara kita.



PAMERAN PENERBITAN ILMIAH UNIMAS

Oleh: Aziz bin Tuah

Penerbitan ilmiah dan universiti adalah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan dalam konteks penyebaran ilmu. Penerbitan yang terhasil daripada penyelidikan menjadi tanda kepada tahap kesarjanaan dan sumber maklumat penting yang digunakan sebagai bahan rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kualiti penerbitan ilmiah perlu dipelihara menerusi dasar penerbitan.

Justeru, Dasar Penerbitan Ilmiah Universiti Malaysia Sarawak diwujudkan sebagai panduan, rujukan dan pegangan kepada semua pemegang taruh, iaitu pentadbir, pengarang dan semua yang terlibat dalam proses penerbitan manuskrip di Universiti Malaysia Sarawak.

Oleh yang demikian, bermula pada awal tahun 2020 Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY) mengambil satu inisiatif untuk membuat pameran berkaitan dengan penerbitan ilmiah UNIMAS di ruangan Research Showcase PeTARY.

Berikut adalah antara tema pameran yang dijalankan sepanjang tahun:

- Environmental preservation for better ecosystem: Pollution, Plants, Animals
- Imparting Knowledge with ICT approaches: Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0), Digital Economy,
- Internet of Things (IoT)
- Transforming society with art & science: Culture, Public Health, CSR

Tujuan pameran ini adalah untuk meningkat pengetahuan ahli akademik dalam penerbitan ilmiah mengikut standard yang dinilai oleh UNIMAS dan sebagai panduan untuk penghasilan penerbitan yang diiktiraf oleh universiti.

Selain itu, dengan adanya pameran seperti ini memberi pendedahan kepada pengunjung PeTARY yang terdiri daripada pelajar UNIMAS dan pengunjung luar tentang penerbitan ilmiah yang berimpak.





MODUL INVENTORY SISTEM KOHA

Oleh: Huzaimah Abdul Rani


Modul Inventory dalam sistem KOHA membantu perpustakaan dalam proses pengiraan stok bahan. Proses pengiraan stok merupakan proses penting yang perlu dilaksanakan secara berterusan bagi membolehkan perpustakaan mendapat gambaran mengenai keberadaan bahan-bahan seperti buku yang hilang dan salah lokasi. Terdapat pelbagai kaedah melaksanakan pengiraan stok menggunakan modul Inventory. Salah satu cara mudah adalah dengan mendapatkan kod palang bahan dan memuat naik senarai kod tersebut ke modul Inventory.

Berikut adalah langkah-langkah untuk memulakan proses pengiraan stok menggunakan modul Inventory Koha menurut kaedah ini:


1. Sediakan fail teks untuk kod palang. Kod-kod palang daripada bahan perpustakaan yang diimbas menggunakan alat pengimbas kod palang akan terus disenaraikan dalam fail teks ini.



2. Masuk ke modul Inventory dalam sistem KOHA menerusi Tools > Inventory



4. Pilih untuk eksport ke fail CSV bagi menjana hasil dalam fail CSV. Klik pada butang Hantar untuk memulakan proses inventori dengan Koha. Fail CSV akan dimuat turun ke komputer.



5. Buka fail CSV yang telah dimuat turun. Fail CSV akan menunjukkan maklumat berkaitan bahan

SUKARELAWAN & NILAI PERIBADI

Oleh: Sri Muniarty John

Tahun 2022 PeTARY sekali lagi telah menganjurkan Pertandingan Juh Nulis Esei dengan tema ‘Kesukarelawan & Nilai Peribadi’.

Pertandingan menulis esei ini merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh PeTARY sejak tahun 2019 sempena program Read@Uni. Pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan warga universiti.

Selain itu juga, warga universiti boleh berkongsi ilmu dan pandangan mengikut tema yang dinyatakan. Pertandingan ini juga bertujuan untuk memperkasakan budaya membaca dan menulis serta memperbanyak aktiviti-aktiviti yang berkaitan membaca dan menulis di UNIMAS.

Berikut merupakan petikan esei pemenang pertama, kedua dan ketiga bagi pertandingan ” Sapa Champion” Juh Nulis Esei 2022.

1

Irian Nasrullah bin Jali

Menjadi sebahagian daripada sukarelawan ada kalanya khidmat dan tugas mereka tidak berbayar. Bukan kerana mereka ini tidak bernilai, akan tetapi khidmat dan tugas mereka sebagai sukarelawan itu adalah tidak termilai. Melibatkan diri dalam bidang sukarelawan ini seringkali dianggap sebagai suatu bidang yang memenangkan tetapi tidak mendapat apa-apa ganjaran. Ya! Memang ada kalanya berkhidmat sebagai seorang sukarelawan ini tidak berbayar, akan tetapi ada banyak lagi nilai-nilai positif lain yang mampu kita pupuk melalui penglibatan kita sebagai sukarelawan yang menjadi nilai peribadi kita sendiri yang tidak boleh dipupuk selain daripada penglibatan kita sebagai sukarelawan. Tidak dinafikan juga, penglibatan masyarakat dalam bidang sukarelawan ini merupakan platform terbaik untuk memastikan kesatuan masyarakat yang menunjukkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang bersatu padu untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan negara terus berkekalan.

Secara kesimpulannya, dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukarelawan mampu memupuk pebagai nilai-nilai positif yang menjadi nilai peribadi diri. Nilai-nilai ini kemudiannya kita terjemahkan dengan sumbangan kita kepada masyarakat, negara yang kita cintai dan lebih-lebih lagi kepada diri kita sendiri.




2

Yevitasari Binti Yaacob

Kudrat barisan hadapan negara

Bermandikan keringat, bagaikan air hujan yang jatuh membasah bumi. Tubuhnya dibalut kain yang berlapis-lapis. Hakikatnya itulah yang perlu di alami oleh hero - hero negara kita. Dapat dilihat ramai yang mengagumi, ramai juga yang hanya tahu mempersoalkan. Itulah perspektif masyarakat terhadap barisan hadapannya pastinya ada pro dan kontra. Namun, bagaimanakah kehidupan parapetugas hadapan yang terpaksa mereka lalui sepanjang pendemik? Berbaloikah pengorbanan mereka selama ini?

Pernahkah terlintas di minda, bagaimana kehidupan barisan hadapan ini yang pada dahulunya? Ketika dahulu hanya memakai seragam yang menjadi kebiasaankini berlalu kepada seragam yang lain. Dulunya seragam tersebut sangat selesa, mungkin ini lebih kepada merimaikan. Manakan tidak kain yang berlapis-lapis, tidak menyerasi peluh dan juga menakung air. Semua itu dilakukan atas dasar tanggungjawab. Tanggungjawab untuk negara, masyarakat dan keluarga




3

Chua Jing Xuan

Melalui inisiatif MyVac, sukarelawan ditugaskan untuk memberi sokongan dan memudahkan urusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengalami kekurangan kakitangan staf. Selain itu, mereka mempercepatkan proses dan memberi bantuan kepada petugas terutamanya barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) agar rakyat yang hadir untuk menerima suntikan vaksin dalam keadaan yang selesa dan tersusun. Walauupn perkara ini mungkin dipandang remeh, tetapi sukarelawan ini telah membawa nilai peribadi yang bermoral tinggi iaitu cinta akan negara. Golongan sukarelawan ini sanggup menghadapi cabaran seperti berpialis dengan orang kesayangan dan juga berkemungkinan dijangkiti virus Covid-19 dengan menjadi ‘frontliner’ (barisan utama) bagi menolong negara untuk mengawal penularan penyakit Covid-19.

Justeru, rakyat Malaysia haruslah menghormati golongan sukarelawan kerana mereka telah menunjukkan sikap yang sudi membantu tanpa mengira agama dan bangsa serta tidak mengharapkan sebarang balasan walaupun perlu berhadapan dengan makian dan kutukan daripada orang lain. Mereka masih dapat membantahati hati dan mengekalikan sifat bertoleransi terhadap rakyat yang tidak faham akan kepentingan vaksinasi ini. Pendek kata, barisan utama telah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik supaya mencapai persefahaman antara rakyat jelata dengan pihak kerajaan yang berkuatkuasa.



Karya Kreatif (Bicara)

*Mata sering buta tika bicara
Bicara telinga sering pekak
Bicara mulut bisu*

*Lidah kaku beku
Lena diselimuti sutra palsu
Bicara suara sering menghukum
Tanpa dibicara*

*Bicara tangan dan kaki sering melangkah
Menyentuh ke arah keji
Tergelincir dari landasan suci
Bila yang haram jadi pilihan hati*

*Bicara kebusukan hati
Menggegar dunia
Menggeladak kehitaman dosa-dosa
Meruntuh martabat manusia*

*Ramai binasa
Dunia huru-hara
Yang salah tetap dipuja
Yang jujur jadi mangsa*

*Bila sikap durjana bermaharajalela
Hancur segala
Kerana iman tiada
Kekal manusia dalam kezalimannya*

*Bicara di dasar naluri
Selaut
Tidak mampu diluahkan
Untuk melahir kebenaran*

*Dicampak tersungkur dalam penjara waktu
Dicengkam kegelisahan
Hanya bicara di hadapan Tuhan
Bisa meleraikan
Di situ ada jawapan*

Penulis, Junaidah Ameng merupakan mantan Staf UNIMAS yang menghadiahkan puisi ini kepada PeTARY untuk tatapan semua

**June
17 April 2006**

Karya Kreatif (Anugerah Langit)

*Seumpama misbah jiwa
Mampu menembusi
Hanyalah pada rohani yang suci
Asalnya dari alam tinggi
Diilhamkan malakut
Ditashihkan oleh penyampai utusan*

*Tanpa misbah jiwa
Kelam nurani
Deritalah zahir dan batin
Tanpa pimpinan yang mursyid
Kesesatan membelenggu minda dan firasat
Memusnahkan keamanan sejagat*

*Tuhan Maha Mengetahui
Ajarilah kami
Agar bisa
Saling membahagiakan
Istiqamah memberi dengan setulus hati
Titipkanlah kami kehalusan perasaan*

*Mencintai Mu
Meneladani Para Utusan
Mengasihani yang tua
Menyayangi yang muda
Membangunkan tamadun agung
Penuh iltizam
Citra tercipta ketinggian ilmu dan budi*

*Nukilan,
Sherif Aida S.
24 Mac 2022*

JOM BELAJAR BAHASA IBAN

OLEH : JESSICA SELVIA DENIS

"Sapa nama nuan?" Nama awak siapa?

"Nama brita nuan?" Apa khabar kamu?

"Ari ni penatai nuan?" Anda dari mana?

"Selamat lemai." Selamat petang.

"Selamat datai." Selamat datang.

"Aram berkelala." Mari berkenalan.

"Bajikmai ia." Cantiknya dia.

"Aku sayau ke nuan." Saya suka awak.

"Nadai ngawa nya." Tidak mengapa.

"Anang guai." Nanti dulu.

LAPORAN LATIHAN / PENDIDIKAN PENGGUNA DARI JANUARI HINGGA JUN 2022

Oleh: Norazlina Abdul Rahman

Laporan ini meliputi :

- Bengkel Literasi Maklumat
- Latihan Pangkalan Data Atas Talian bersama pembekal
- Tahap Kepuasan dan Keyakinan Pengguna

Bengkel Literasi Maklumat mengikut modul dan bulan.

Bengkel Literasi Maklumat diadakan bagi memberi pendedahan kepada pengguna PeTARY untuk mengenalpasti, menilai dan menggunakan secara berkesan maklumat yang telah disediakan. Terdapat 6 modul yang telah disediakan seperti:

Modul 1: Introduction to PeTARY

Modul 2: LibrARY OneSearch

Modul 3: Finding Information for Academic Writing

Modul 4: Finding Information on the Web

Modul 5: Citing References & Plagiarism

Modul 6: UNIMAS IR

Sebanyak 4 Bengkel Literasi telah dijalankan dari Januari hingga Mei 2022 dan telah dihadiri oleh seramai 228 pelajar yang telah diadakan secara atas talian dan bersemuka. Modul yang sering dipohon adalah modul 2, dan 3.

Latihan Pangkalan Data Atas Talian Bersama Pembekal

Latihan PDAT (oleh Pembekal) diadakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada pengguna PeTARY untuk mengenalpasti, menilai dan menggunakan secara berkesan maklumat yang telah disediakan. Di samping itu, ia membantu meningkatkan penggunaan/ pengaksesan sumber elektronik yang telah dilanggan oleh UNIMAS.

Tahap Kepuasan Dan Keyakinan Pengguna

Bengkel Literasi Maklumat diadakan bagi memberi pendedahan kepada pengguna PeTARY untuk mengenalpasti, menilai dan menggunakan secara berkesan maklumat yang telah disediakan di samping untuk mengetahui tahap keyakinan pengguna dalam mengaplikasikan kemahiran yang telah diperolehi dan membantu meningkatkan penggunaan/ pengaksesan sumber elektronik yang telah dilanggan oleh UNIMAS. Bengkel Literasi diadakan secara berjadual iaitu pada hari Rabu secara tempahan.

ia juga membantu pengguna dalam menghasilkan tugas/penyelidikan dan sumber pengajaran yang berkualiti disamping untuk tujuan:


- Pemantauan pencapaian objektif kualiti MS ISO 9001:2015

“Memastikan sekurang-kurangnya 90% tahap kepuasan pengguna bagi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan melalui maklum balas pelanggan”

- Pemantauan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat universiti

Dari Januari sehingga Mei 2022, sebanyak 4 sesi Bengkel Literasi Maklumat telah dijalankan dan telah dihadiri seramai 228 peserta.


Carta Pai 1: Tahap kepuasan Kelas Literasi Maklumat



Berdasarkan Carta Pai 1 menunjukkan:

Daripada 114 borang maklumbalas yang diterima seramai 114 peserta telah berpuas hati dengan bengkel yang telah disediakan. Pusat telah mencapai 100% bagi tahap kepuasan pengguna.

Carta Pai 2 : Tahap keyakinan pengguna



Berdasarkan Carta Pai 2 menunjukkan:

114 maklum balas seramai 88 orang menunjukkan peserta yakin dapat mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi. Pusat telah mencapai 93% bagi tahap keyakinan peserta.

Secara keseluruhan bagi Januari hingga Mei 2022 pencapaian peratusan bagi kepuasan peserta menghadiri Bengkel Literasi Maklumat telah mencapai objektif kualiti (90%) iaitu sebanyak 100%

Ruangan Reset Jiwa

Wan Jameludin bin Wan Sait

Nikmatilah hidup selama anda masih memiliki dan terus belajar untuk bersyukur dengan keadaanmu! Kerana anda tidak akan tahu bila Maha Pemilik Raga akan datang dan mengatakan kepada anda, "Inilah saat pulang!" memaksa anda meninggalkan apa pun yang anda cintai, banggakan serta sombongkan"...

Tahniah dan Syabas Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021

Pn. Huzaimah bt
Abdul Rani

En. Mohd Khairul Hafiz
bin Sanawi

Pn. Nor Hatijah
bt Dan

En. Frederick ak
Jamali

Cik Fairuz Faridah bt
Jaafar

En. Redzuan bin
Dan

PeTARY
Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub

Ikhlas daripada,
Warga
Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY)

LIKE | FOLLOW | SHARE

www.library.unimas.my



SENARAI LAWATAN KE PETARY JAN-JUN 2022

Oleh : Desmond Chang Bui Chieh

No	Tarikh	Tujuan	Jumlah	Pemandu Pelawat
1	24.2.2022	Kelab Rakan Pustaka UMS	6	Desmond, Aida
2	09.3.2022	Majlis Adat Istimiadat Sarawak (MAIS)	10	Desmond
3	17.6.2022	Universiti Malaysia Kelantan	33	Tidak Jadi Melawat
4	14.6.2022	Universitas Tanjungpura, Pontianak	30 + 1	Aida, Adila
5	10.6.2022	MARA	130	Aida, Adila

AKTIVITI PETARY (JANUARI – JUN 2022)

Oleh: Adila Shedad

Bil	Nama Program	Tarikh/Masa	Tempat
1	Program Pengurusan Bakat : Bagaimana Memacu Kecemerlangan Diri	27 Januari 2022 9.00 Pagi - 12.30 Tengah hari	Auditorium PeTARY
2	Bengkel Perkhidmatan Kaunter Cemerlang dan Komunikasi Pelanggan Pasca Pandemik	30 & 31 Mac 2022 8.00 Pagi - 5.00 Petang	Auditorium PeTARY
3	Sesi Perkongsian Ilmu: YANG mana satu pilihan hati - endowmen atau waka?	7 April 2022 9.00 Pagi- 12.00 Tengah hari	Auditorium PeTARY
4	Program Gotong-Royong Bubur Lambuk PeTARY	14 April 2022 8.00 Pagi – 12.00 Tengah hari	Rooftop PeTARY
5	Pameran Karya Sasterawan Negara	21 April 2022	Galeri Tun Abdul Rahman Ya'kub PeTARY
6	Program Jom Membaca Bersama 10 Minit	21 April 2022 11.00 Pagi	Ruang Bacaan Aras 2, PeTARY
7	Bicara Penulis Bersama Pengarang UNIMAS	21 April 2022 2.30 Petang - 3.30 Petang	Online (Webex)
8	Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat	27 Mei 2022 8.30 Pagi	Bilik Mesyuarat Aras 3, PeTARY
9	Sambutan Raya @ Pre Gawai PeTARY 2022	27 Mei 2022 9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari	Social Hub PeTARY
10	Forum Sempena Hari Pustakawan - Mendenani Cabaran Dunia Kepustakawanan Melalui Kepimpinan : Satu Pengalaman	21 Jun 2022 2.30 Petang	Online (Webex)

Latihan Kebakaran Meningkatkan Kemahiran Menguruskan Pengungsian Bangunan

Oleh: Sheril Aida Sulainan

Pada 24 Mac, Perpustakan Tun Abdul Rahman Ya'kub telah mengadakan latihan kebakaran bagi meningkatkan kemahiran menguruskan pengungsian warga PeTARY dan memastikan keselamatan jiwa warga yang berada di bangunan tersebut.

Para warden bangunan telah berjaya membantu mengosongkan bangunan dalam masa yang ditetapkan. Kali ini, staf PeTARY dan para pelajar telah memberikan kerjasama yang baik. Menurut Koordinator Latihan Kebakaran, fungsi warden kebakaran masih perlu diperbaiki kerana terdapat beberapa standard fungsi warden bangunan tidak dicapai.

Semoga kerjasama dan kemahiran menguruskan kebakaran dan kecemasan di tempat kerja ini terus dapat diperbaiki dan dikuasai oleh warga PeTARY. Keselamatan bangunan adalah amat penting bagi menjaga keselamatan kakitangan dan pengguna serta mengelakkan kerugian pengurusan UNIMAS.



PENEMPATAN BARU STAF PETARY 2022

Oleh: Sheril Aida Sulainan

Penempatan baru staf yang diamalkan di PeTARY adalah merupakan pertukaran staf ke unit baru berdasarkan keperluan organisasi. Istilah yang biasa digunakan ialah *reshuffle*. Amalan ini diwujudkan sebagai sokongan kepada sesebuah institusi dalam pengurusan sumber manusia yang lebih efisien dan efektif sekaligus meningkatkan kompetensi staf seiring peredaran masa, teknologi, keperluan, peluang dan Visi Misi yang ingin dicapai. Berikut merupakan maklumat penempatan semula keluarga PeTARY pada tahun 2022.

Penempatan semula staf PeTARY berkuatkuasa pada 9 Mei 2022.

Nama	Penempatan Sebelum	Penempatan Baharu
Puan Hafidawati Binti Madihi	Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub	Fakulti Alam Bina
Cik Patricia anak Jutin	Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub	Bahagian Hal Ehwal Korporat (UNIMAS Corporate)
Cik Jessica Selyvia anak Denis	Kampus UNIMAS Sibu (KaUS)	Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub

Penempatan semula staff PeTARY berkuatkuasa pada 22 Februari 2022.

Nama	Unit Sebelum	Unit Baharu
Puan Sri Muniarty Binti Johm	Unit Pentadbiran, Pengurusan Kewangan dan Aset Pusat	Unit Pengurusan Teknikal & Pendigitan
Puan Siti Raffidah binti Tekat	Unit Pengurusan Teknikal & Pendigitan	Unit Pentadbiran, Pengurusan Kewangan dan Aset Pusat
Puan Noraiti binti Gani	Unit Pengurusan Teknikal & Pendigitan	Unit Repozitori Akademik
Cik Adila binti Shedan	Unit Sirkulasi dan Akses	Unit Latihan & Kualiti
Puan Sheril Aida binti Sulainan	Unit Pengurusan ICT	Unit Komunikasi Korporat

Selamat menjalankan tugas semoga maju jaya!

BUBUR LAMBUK RAMADAN PETARY 2022

Oleh: Wan Jamaludin Wan Sait

Sempena menyambut kemeriahkan Ramadan 1443H, bertarikh 14 April 2022 ,PeTARY sekali lagi mengadakan ‘Program Bubur Lambuk’ untuk diagihkan kepada semua staf dan pengguna yang mengunjungi PeTARY sempena bulan puasa. Program ini diketuai oleh Tuan Haji Valentino bin Abu Bakar (Ketua Penolong Pengarah Kanan PeTARY) dan Puan Siti Rafidah bt Tekat (Penolong Pengarah Kanan) serta semua staf PeTARY muslim.



Aktiviti menyiapkan bubur lambuk ini dijalankan secara gotong-royong pada sebelah pagi dan pengagihannya diadakan pada sebelah petangnya. En Macfarlaine Gilbert Jim Dibuad selaku Timbalan Pengarah PeTARY telah diberi penghormatan untuk mengetui agihan bubur lambuk untuk semua pengunjung PeTARY. Matlamat utama aktiviti ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan silaturrahim dalam kalangan staf PeTARY serta pengunjung di PeTARY. Diharapkan aktiviti sebegini terus diadakan pada tahun-tahun mendatang.



RAYA GAWAI PeTARY 2022

"Inilah budaya masyarakat Sarawak yang harus kita kekalkan dan perpaduan yang terjalin selama ini juga harus dipelihara.



RAYA GAWAI PeTARY 2022

Oleh: Magdelina Mangi

UNIMAS: 27 Mei 2022 Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (PeTARY) telah mengadakan Majlis Ramah Tamah Gawai Raya bagi menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Gawai Dayak. Sambutan perayaan ini meraikan kaum muslim di seluruh dunia serta hari perayaan kaum peribumi Sarawak yang terdiri daripada suku kaum Iban, Bidayuh serta Orang Ulu.

Sambutan istimewa secara bersama ini berjaya mengetengahkan unsur dua budaya yang berbeza dalam satu acaramenunjukkan keunikan yang ada dalam masyarakat di negeri kita. Setelah dua tahun meraikan sambutan hari perayaan ini secara norma baru, PeTARY berpeluang meraikannya secara meriah pada tahun ini. Pelbagai juadah disediakan sebagai simbolik meraikan majlis Gawai Raya seperti juadah makanan tradisional rendang ayam daging, pansuh, ketupat serta kuih muih.

Majlis ini turut dihadiri oleh para bekas staf PeTARY yang ditempatkan semula ke jabatan lain di dalam UNIMAS. Majlis berlangsung meriah dari pukul 9 pagi sehingga pukul 12 tengah hari. Majlis ini zahirnya dapat membina keutuhan persaudaraan dalam kalangan staf PeTARY. Pelbagai aktiviti turut diadakan untuk memeriahkan majlis pada hari tersebut antaranya ialah pertandingan karaoke, juadah dan gerai makanan paling menarik , permainan damak serta diserikan lagi dengan cabutan tiket bertuah.

Secara amnya sambutan majlis-majlis perayaan seperti ini merupakan kesempatan yang terbaik untuk mengukuhkan lagi semangat kerjasama dan kekitaan serta mewujudkan perasaan kasih sayang dan muhibah. Ini turut memberikan mesej yang jelas betapa pentingnya kita saling memahami, menghormati dan menghargai kepelbagaian budaya yang bukan sahaja merupakan keunikan negara kita. Malah yang lebih penting keunikan budaya itulah yang menjadi tunjang kekuatan perpaduan, kemakmuran dan kemajuan kita selama ini, sesuai dengan Semangat Malaysia Baharu.